



MAJLIS
PELANCARAN
**YAYASAN
PELANDITA
ZA'ABA**



MAJLIS PELANCARAN YAYASAN PENDITA ZA'ABA

diBawah Naungan
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
TUANKU JA'AFAR AL-HAJ IBNI
ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN
DK, DMN, DK(BRUNEI), DK(KELANTAN),
DK(KEDAH), DK(SELANGOR), DK(PERLIS), DK(JOHOR)
YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN.

KANDUNGAN

TITAH ALUAN

*KeBawah DYMM Tuanku Yang DiPertuan Besar
Negeri Sembilan*

5

KATA-KATA ALUAN

*oleh YAB Menteri Besar
Negeri Sembilan*

6

KATA-KATA ALUAN

oleh Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia

7

SEKAPUR SIRIH

*oleh Pengerusi Lembaga Pengamanan
Yayasan Pendita Za'aba*

8

BKAM Menoleh kebelakang

oleh Zain Hamzah

11

YAYASAN PENDITA ZA'ABA SINAR MENCERLAH DI PELABUHAN PAGI

16

PENDITA ZA'ABA — JASAMU DIKENANG

oleh Hashim Amir Hamzah

21

ATURCARA


37

PENGARANG:

*Zain Hamzah
Hashim Amir Hamzah*

PENYUSUN & LAYOUT:

Tamby Abdullah Long



KULIT BUKU:

*Rekabentuk
oleh Tamby Abdullah Long*



DULI YANG MAHA MULIA YANG DIPERTUAN BESAR, NEGERI SEMBILAN.



TITAH ALUAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Syukur Alhamdulillah, Beta sangat sukacita dan berbesar hati atas usaha Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan menubuhkan Yayasan Pendita Za'aba ini.

Sesebuah Yayasan bagi mengenang jasa tokoh pendidikan yang telah banyak mencurahkan jasa bakti semasa hayatnya seperti Cendikiawan Negara Allahyarham Tan Sri Pendita Dr. Haji Zainal Abidin bin Ahmad yang lebih terkenal dipanggil ZA'ABA adalah menepati ajaran agama yang sudah semestinya memberi sebesar-besar manfaat kepada rakyat dan negara, serta membantu menjamin masa depan yang cerah kepada generasi akan datang.

Justru itu, usaha murni ini haruslah diberi sekuat-kuat sokongan oleh seluruh lapisan rakyat berbilang bangsa dan keturunan di negara ini.

Beta yakin dan percaya, ilham menubuhkan Yayasan ini telah dicetuskan oleh rasa keinsafan betapa pendidikan itu adalah anak kunci bagi kemajuan dan kesempurnaan hidup. Kesedaran ini haruslah disebarkan kepada setiap rakyat di bandar-bandar dan desa-desa secara terus menerus.

Beta juga berharap usaha murni ini akan berkekalan dan mendapat rahmat dari Allah.

(D.Y.M.M. TUANKU JA'AFAR IBNI ALMARHUM TUANKU
ABDUL RAHMAN,
DK., DMN., DK(BRUNEI), DK(KELANTAN), DK(KEDAH),
DK(SELANGOR), DK(PERLIS), DK(JOHOR),
YANG DIPERTUAN BESAR,
NEGERI SEMBILAN.



MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN.

KATA-KATA ALUAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan di atas inisiatif menubuhkan Yayasan Pendita Za'aba.

Langkah menubuhkan Yayasan ini adalah bersesuaian dengan aspirasi ahli-ahli yang terdiri dari anak-anak watan Negeri Sembilan di dalam usaha mempertingkatkan bidang pelajaran dan kerjaya masing-masing.


Penawaran biasiswa pelajaran kepada anak-anak watan secara tidak langsung akan dapat mengisi keperluan semasa bagi tujuan melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi dan sebagainya dan ini sesungguhnya merupakan suatu usaha yang paling murni.

Oleh yang demikian, setiap tenaga yang berkemampuan serta yang berjaya di bidang kerjaya masing-masing pada hari ini haruslah tampil ke hadapan bagi bersama-sama menjayakan program ini.

Marilah kita sama-sama mengembalikan kegigihan serta zaman kegemilangan Pendita Za'aba yang secara kebetulan datangnya dari Negeri Sembilan sebagai bekalan kita untuk memperjuangkan nasib bangsa dan agama bagi tempoh tahun-tahun yang mendatang.

Selamat Maju Jaya,

(Dato' Mohd Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad).



MENTERI PENDIDIKAN
MALAYSIA

KATA-KATA ALUAN

Usaha Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan menubuhkan Yayasan Pendita Za'aba bagi membantu pelajar-pelajar ke Institusi-Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan luar negeri adalah satu langkah yang wajar dan dialu-alukan.

Saya percaya rancangan bantuan pelajar ini lahir; dari rasa tanggungjawab dan kesedaran bersama ahli-ahli untuk sama-sama menyumbangkan jasa bakti kepada golongan masyarakat khususnya pelajar-pelajar miskin agar mereka diberi perhatian yang sewajarnya.

Atas kesedaran ini saya menyeru kepada golongan yang berada agar membantu Yayasan ini kerana sesungguhnya sebahagian besar masyarakat perlukan bantuan dan pembelaan kita bersama.

Kepada semua pihak yang berusaha menubuhkan Yayasan Pendita Za'aba ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan berdoa semoga Allah SWT memberkati segala usaha dan cita-cita murni kita bersama.

والسلام عليكم ورحمة الله

(Anwar Ibrahim)



SEKAPUR SIRIH

SYUKUR Alhamdulillah, setelah kira-kira 6 tahun kita menunggu dan tidak berhenti-henti berikhtiar, malam ini Yayasan Pendita Za'aba dilancarkan.

Saya masih ingat lagi dalam bulan Mei 1981, ahli-ahli Badan membincangkan satu usul yang dikemukakan dalam mesyuarat agung kali ke-14 itu, supaya Badan mengambil sesuatu langkah yang berkesan bagi meningkatkan pendidikan anak-anak bangsa. Ketika itu tidak ada seorangpun yang menyatakan tidak setuju dengan usul itu. Ini jelas menunjukkan betapa masyarakat kita memang semakin sedar betapa benarnya kata-kata cerdek pandai bahawa pelajaran adalah anak kunci kepada tamadun.

Dengan tertubuhnya Yayasan Pendita Za'aba ini, saya yakin, Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan akan bergerak lebih cergas lagi di masa-masa akan datang. Sumbangan bakti Badan menerusi Yayasan ini bukan terhad kepada anak-anak yang berasal dari Negeri Sembilan sahaja, malahan meliputi rakyat di seluruh Negara.

Oleh kerana itulah saya merasa sangat bangga menyertai rakan-rakan dalam Badan ini berusaha menjayakan Yayasan ini. Mudah-mudahan usaha kami ini akan senantiasa diberkati oleh Allah, dan akan terus mendapat sokongan pemimpin-pemimpin dan rakyat jelata di seluruh negara.

Sekian. والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tan Sri Tunku Mohamed Bin Tunku Besar Burhanuddin
Yang Di Pertua BKAMNS
merangkap
Pengerusi Lembaga Pengamanah Yayasan Pendita Za'aba.





Duduk.

Dari Kiri ke Kanan

Puan Masiah bt Majid.

Y. Bhg. Dato' Hj. Abdul Malek bin Hj. Mohd. Yunus.

Y. Bhg. Dato' Dr. Hj. Mohd. Nordin bin Hj. Keling.

YM. Tunku Tan Sri Mohamed bin Tunku Besar Hashanuddin.

YB. Encik Azhar bin Dato' A. Ujang.

Tuan Hj. Abdul Jalil bin Dato' Jamal.

Puan Asmah bte Shamsuddin.

Berdiri

Tuan Hj. Abu Bakar bin Budin.

Tuan Hj. Anwar bin Abdul.

Dr. Hj. Dzulkifli bin Bahaman.

Encik Mohd. Zin bin Yusop.

Tuan Hj. Hashim bin Amir Hamzah.

Encik Aduan bin Hj. Abu Bakar.

Tuan Hj. Abdul Mokti bin Hj. Abd. Rashid.

Tuan Hj. Mohd. Zain bin Hj. Hamzah.



BKAM Menoleh ke belakang

oleh Zain Hamzah

MENGIKUT apa yang tersurat, Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan, berumur genap 26 tahun pada 17hb Mei 1987 yang lalu.

TETAPI beberapa manuskrip, gambar foto dan catitan yang saya dapati dari simpanan keluarga, menunjukkan anak-anak Melayu yang berasal dari Negeri Sembilan telah sepakat lebih lama dari itu. Kelahiran Persekutuan Melayu Negeri Sembilan pada kira-kira pertengahan tahun 1938 dikatakan mula tersusunnya tenaga muda anak-anak Negeri Sembilan di Kuala Lumpur.

PADA 3hb Mac, 1940, Persekutuan Melayu Negeri Sembilan di Kuala Lumpur semakin kuat dan mantap. Mesyuarat agung Persekutuan tersebut pada tarikh itu telah melahirkan beberapa orang pemimpin Persekutuan yang berkhidmat semata-mata untuk kepentingan ramai. Tidak terlintas langsung di hati tiap-tiap 60 orang kakitangan Kerajaan anak Negeri Sembilan yang menjadi ahli Persekutuan itu, bahawa kekuatan sesuatu

pertubuhan itu berasaskan keteguhan kewangannya! Mereka berkumpul dan berbincang ketika itu semata-mata untuk saling bantu-membantu satu sama lain.

TETAPI rupa-rupanya berpersatuan mengikut asas persaudaraan dan perpaduan tidak dapat berkekalan tanpa wang ringgit. Pada kira-kira 3 tahun selepas mesyuarat agung 1940 itu, nama Persekutuan tinggal nama sahaja. Dalam masa pemerintahan Jepun, dan selepas perang dunia nama Persekutuan itu tidak timbul-timbul lagi, sungguhpun masih ramai ahli-ahlinya masih hidup mengikut arus perubahan.

ZAMAN pra-Merdeka telah juga membangkitkan kesedaran betapa perlunya Persekutuan Melayu Negeri Sembilan itu dihidupkan semula. Ketika itu, semangat kemerdekaan sedang ditiupkan dengan kencang, dan di tengah-tengah tiupan kencang angin kemerdekaan itu, bangkitlah seorang dua kakitangan Kerajaan seperti Bahaman Shamsuddin, Allahyarham Baba Ludek,

Haji Mahmud Hj. Abdullah
Pen. Pendaftar Kanan
(Unit Kebudayaan)
Jabatan Melayu
Kementerian Melayu
Kerajaan Malaysia

Allahyarham Haji Din Ali dan beberapa orang lagi cuba berpakat menubuhkan Persatuan. Ura-ura itu membawa kepada beberapa pertemuan di hotel-hotel terkemuka ketika itu, bermula dengan perjumpaan hari-ya dan sebagainya. Persatuan yang longer di kalangan anak-anak Negeri Sembilan ketika itu, rupa-rupanya semakin teguh apabila Negara mencapai kemerdekaan. Para cerdek pandai dari Negeri Sembilan semakin gigih berusaha kerana terlalu ghairah dan sibuk berusaha mengisi kemerdekaan, sesebuah Badan yang berdaftar masih belum dapat diwujudkan.

DALAM tahun 1961 barulah jelas dan nyata tenaga anak-anak Negeri Sembilan di Kuala Lumpur benar-benar bernaung di bawah satu pertubuhan yang dinamakan Badan Kebajikan Anak-Anak Mukim Jempol Negeri Sembilan, di Kuala Lumpur. Keanggotaan Badan itu amat terbatas, semakin dipersempit lagi dengan pemilihan nama 'Mukim Jempol', sedangkan di Kuala Lumpur ada anak Negeri Sembilan yang berasal dari Port Dickson, Rembau, jelebu, Sungai Ujung, Tampin dan lain-lain tempat. Rupa-rupanya anak-anak Negeri Sembilan di tahun 1961 kian sempit taarif 'Negeri Sembilan' berbanding dengan anak-anak Negeri Sembilan dalam tahun 1940! Kerana itulah lahir pula Persatuan Kebajikan anak-anak Jelebu di Kuala Lumpur, dan sebagainya.

PADA 23hb Disember 1966, beberapa orang cerdek pandai Negeri Sembilan di Kuala Lumpur sepakat berpendapat bahawa Negeri Sembilan yang luas tidak harus disempitkan seluas sesuatu daerah. Justru itu didaftarkan Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan. BKAMNS sebenar-

nya telah melalui beberapa proses perubahan, dari Persekutuan Melayu Negeri Sembilan, kepada Badan Kebajikan Anak-Anak Jempul, hinggalah kepada namanya sekarang.

PEMIMPIN-PEMIMPINNYA pun saling bertukar ganti, tetapi setelah kekal namanya sebagai Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan pucuk pimpinan kekal dipegang oleh YM Tan Sri Tengku Mohamad bin Tengku Besar Burhanuddin. Kepimpinannya telah membawa kepada beberapa perubahan yang menarik.

PERSEKUTUAN MELAYU NEGERI SEMBILAN

KEADAAN Badan yang amat membanggakan sekarang telah menyebabkan ramai ahli-ahli berusaha menyukil sejarahnya. Ini amatlah wajar memandangkan bahawa Badan ini akan melangkah ke satu zaman yang sama sekali tidak diduga semasa ia mula-mula ditaja 26 tahun yang silam.

SALAH satu kajian itu membongkar hakikat bahawa sebenarnya pertubuhan yang wujud sekarang bermula lebih lama dari tahun 1965!

Penyelidikan sambil lalu yang dijalankan telah membuktikan bahawa perhimpinan anak-anak Melayu Negeri Sembilan di Kuala Lumpur sebenarnya bermula dalam tahun 1940, iaitu 47 tahun yang lalu, (lihat gambar). Kira-kira 60 orang kakitangan kerajaan dan swasta yang bertugas di Kuala Lumpur telah sepakat menubuhkan sebuah Persekutuan yang dinamakan Persekutuan Melayu Negeri Sembilan dalam bulan Januari 1940. Dua bulan selepas pertemuan tidak formal di kalangan beberapa orang itu, telah membawa kepada satu mesyuarat agung pada 3hb Mac 1940 di Kuala Lumpur.

MESYUARAT agung itu telah memilih Encik Ibrahim bin Haji

Masor sebagai yang di pertua, Encik Maulud bin Jali sebagai Naib Presiden, dan Tuan Haji Hassan bin Sidong sebagai Setiausaha, sementara Encik Baba bin Ludek dipilih sebagai Bendahari. Antara nama-nama ahli jawatankuasa yang dapat dikesan ialah Encik Mohd Tahir bin Shah, Encik Hashim bin Keping, Encik Bador, Encik Shamarudin, Encik Abdul Raham, Encik Mohd Ali Encik Osman, Encik Ismail bin Mahmood, sementara pemeriksa kira-kira pula ialah Encik Suda bin Rentah dan Encik Shamsuddin bin Lilah.

NYATALAH bahawa semenjak tahun 1940 lagi anak-anak Melayu Negeri Sembilan yang berkhidmat di merata-rata tempat dalam Persekutuan Tanah Melayu sudah mengatur langkah untuk menyatukan tenaga bagi menjalankan kerja-kerja amal dan kebajikan untuk faedah seluruh masyarakat Melayu tidak kira dari mana asal keturunan mereka. Mereka yang mengerakkan Persekutuan Melayu Negeri Sembilan itu adalah sebagai tenaga-tenaga penggerak semata-mata demi memberi sumbangan ke arah kesejahteraan seluruh penduduk di negara ini.

KETIKA ditemui tiga tahun yang lalu di Kampung Tengah, Sri Menanti Negeri Sembilan, Allahyarham haji Shamsuddin Lilah memberitahu saya bahawa Persekutuan itu tidak mempunyai apa-apa matlamat lain, kecuali hendak menjaga perpaduan anak-anak Melayu Negeri Sembilan supaya perpaduan itu boleh menjadi satu tenaga pendorong bagi melaksanakan projek-projek yang boleh memberi faedah kepada semua tidak kira dari mana asal mereka.

"TETAPI masa itu kami tidaklah sekuat tenaga yang ada sekarang," katanya senyum sambil mengenang peristiwa yang dialaminya 42 tahun yang lalu.



Kiri:
Ahli Jawatankuasa Badan
Kebajikan Anak-Anak Melayu
Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan, 1980.



ah:
ambar Ramai di Mesyuarat Agung Tahunan Badan Kebajikan yang ke-13, 1980.

KAMI mempunyai beberapa orang tenaga fikir dan negara kita masih dijajah. Seperti semangat lain-lain anak Negeri di Persekutuan Tanah Melayu, kami juga memainkan peranan sekadar yang kami mampu untuk menguatkan perpaduan mencari kebebasan," sambungnya meluahkan rahsia penubuhan Persekutuan itu.

PROJEK

PROJEK-PROJEK yang hendak dijalankan sangat banyak. "Saya tak ingat lagi" ujarinya. "Tetapi kalau tak silap, salah satu ialah hendak menubuhkan sebuah Rumah Kelab" sambungnya lagi.

APABILA diceritakan bahawa Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu NS di Wilayah

Persekutuan hari ini semakin ghairah untuk tegak kukuh bagi menjalankan projek-projek yang memberi faedah kepada semua orang tidak kira dari mana mereka berasal, Encik Shamsuddin tersenyum lebar sambil mengesat air mata yang berlenang, dan berkata:

"SYUKURLAH, sekurang-kurangnya anak cucu dapat memenuhi cita-cita kami, walaupun bukan kami sendiri yang menyampaikan apa yang tersirat di hati kami ketika ini."

ENCIK Shamsuddin tidak dapat memberikan lain-lain bahan bertulis seperti laporan-laporan untuk kajian lanjut "kerana ramai telah meninggal dunia, dan catitan-catitan itu telah hilang".


"AMBILAH gambar ini dan siarkan di mana-mana patut. Semuga dapat ahli-ahli Badan mengenal mereka" katanya sambil menyerahkan gambar yang disiarkan. Allahyarham Haji Shamsuddin meninggal dunia pada akhir tahun 1986.

BKAMNS KINI:

HARI ini keadaan sudah banyak berubah. Haluan perjuangan tiap-tiap individu juga harus disesuaikan dengan perubahan masa. Zaman merdeka memerlukan pemikiran dan tindakan yang lebih berat. Zaman melaong-laongkan janji dan slogan sudah berlalu, dan masanya sudah tiba bagi tiap-tiap individu berusaha dan meneguhkan azam untuk menjayakan setiap rancangan.



GAMBAR-GAMBAR SEPINTAS LALU



KUALA LUMPUR — 1940

Senangat persediaan untuk mengembeli tenaga anak-anak NS di Kuala Lumpur sudah menah lina sebelum 1940. Gambar diatas diambil sesudah mesyuarat Agung Persekutuan Melayu Negeri Sembilan pada 3hb Mac, 1940 di Kuala Lumpur. Presiden: En. Ibrahim bin Haji Mansoor. Mungkin mereka yang masih dipanjangkan umur masih terasa betapa kekhutanan berseratus ketika itu memungkinkn tercapai apa saja yang di rancang.



Ahli-Ahli Jawatankuasa BKAMNS dihawah pimpinan Y.M. Tunka Tan Sri Mohamed bin Tunka Besar Barhaudin (duduk no: 4 dari kiri) bergambar selepas mesyuarat agung, ke-14 pada 24 Mei 1981.

SALAH satu projek utama yang sedang diatur ialah penubuhan sebuah Yayasan yang dijangka dapat mengumpulkan wang beratus-ratus ribu, kalaupun tidak berjuta-juta ringgit untuk dibahagi-bahagikan kepada anak-anak muda yang berpotensi untuk meneruskan perjuangan manusia yang merdeka dan mahu mengisi kemerdekaan itu.

YAYASAN PENDITA ZA'ABA

PENUBUHAN sebuah yaysan yang dinamakan sebagai yaysan Pendita Za'aba, mengambil

sempena nama Allahyarham Pendita Tan Sri Dato' Zainal Abidin bin Ahmad yang berasal dari Negeri Sembilan mendapat perhatian ramai. Sumbangan Allahyarham dalam bidang pendidikan, persuratan dan kebajikan telah memberi munafaat kepada seluruh rakyat dan negara. Malah Allahyarham pernah berkata kepada Tuan Haji Abdul Malek Yunus (ahli Jawatankuasa) semasa hayatnya:

"SAYA anak Negeri Sembilan, tapi saya kepunyaan Malaysia. Saya bangga dilahirkan di

Negeri Sembilan dan bangga kan kampung halaman tempat saya dilahirkan. Tetapi saya lebih bangga jika khidmat saya ini dapat dirasakan oleh semua orang walau dari mana sekalipun asal usul mereka."

BADAN Kebajikan Anak-Anak Melayu negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan memang senantiasa berpegang kepada falsafah ini. Wujudnya di-tengah-tengah masyarakat adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat, negara dan Agama.



- 1 Ahli Jawatankuasa Badan berbincang.
- 2 Mesyuarat Agung ke-14 24 Mei 1981 menggerakkan idea Yayasan Pendik Za'aba.
- 3 Ahli-ahli bergambar ramai selepas mesyuarat agung yang ke-14 pada 24hb Mei 1981. Di Mesyuarat Agung inilah mula ditetaskan idea menubuhkan Yayasan Za'aba untuk fardah dan kepentingan seluruh rakyat dan negara.
- 4 Penaung BKAMINS, Y.M.M. Tengku Puan Besar Hajjah Kurshiah menyampaikan bantuan persekolah kepada salah seorang anak ahli.
- 5 Yang DiPertua BKAMINS Yang Mulia Tunku Tan Sri Mohamed menyampaikan hadiah galakan pelajaran kepada Adik Zuraidah Jalil di Mesyuarat Agung Tahunan Badan.



YAYASAN PENDITA ZA'ABA SINAR MENCERLAH DI PELABUHAN PAGI

IDEA penubuhan Yayasan Pendita Za'aba tercetus ketika Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan sedang aktif memberikan berbagai-bagai bantuan pelajaran dan kebajikan kepada anak-anak ahli.

Salah satu kegiatan Badan semenjak tahun 1979 ialah menyediakan peruntukan bantuan buku, pakaian sekolah dan lain-lain seumpamanya kepada anak-anak ahli yang perlukan bantuan. Pemberian-pemberian itu tidaklah seberapa, tetapi sebanyak sedikit dapat membantu meringankan tanggungan ibubapa.

Pada tahun 1980, skim bantuan itu diperluaskan lagi dengan memperuntukkan hadiah-hadiah galakan pelajaran kepada anak-anak ahli yang mencapai sesuatu tahap pencapaian yang memungkinkan anak itu melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi. Hadiah-hadiah galakan itu juga tidak seberapa nilainya, tetapi dari beberapa ribu ringgit nilai bantuan dan hadiah yang telah dikeluarkan, kesannya amat nyata. Badan telah dapat membuktikan ia mampu meluaskan bidang kegiatannya.

Dalam mesyuarat Agung Badan bagi kali yang ke 14 pada 15hb. Mei, 1981, salah seorang ahli Badan, Encik Mohd. Zain bin Haji Hamzah mengemukakan usul, yang menuju ke arah penubuhan satu Yayasan yang

dijangka dapat memberi khidmat yang lebih luas dan berkesan kepada anak bangsa dalam bidang pelajaran dan pendidikan.

Dalam mesyuarat agung kali ke 14 itu, Encik Mohd. Zain berkata:

“Menyedari hakikat wujudnya kesedaran ibubapa Bumiputra tentang pentingnya pelajaran bagi anak-anak di zaman serba berlumba-lumba ini, dan hakikat masih ramai manusia perlukan bantuan dalam berbagai-bagai bidang untuk meneruskan kehidupan yang sempurna, menyedari bahawa cabaran-cabaran hidup akan bertambah-tambah di tahun-tahun menjelang 1990, dan selepas 1990, khususnya bagi rakyat Bumiputra, sama ada dalam bidang pelajaran tinggi, ataupun dalam hal-hal Kebajikan,

Mengingat bahawa sesebuah pertubuhan seperti Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam proses pembangunan negara dan rakyat Malaysia seluruhnya pada masa ini dan di masa-masa akan datang, dan

Dengan wujudnya keadaan peri pentingnya tenaga fikir dan jasmani dari Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan disatukan untuk

membuat persiapan-persiapan yang wajar bagi menghadapi zaman-zaman yang mencabar di tahun-tahun 90an,

Maka saya mengusulkan supaya Badan ini mula mengatur langkah kearah penubuhan sebuah Yayasan Pelajaran dan Kebajikan yang akan menjadi pendorong utama ke arah pembinaan sesebuah kompleks yang lengkap, menjelang tahun 1990 atau lebih awal dari itu”.

TABUNG PELANCARAN (LAUNCHING FUND)

Berikutan dengan penerimaan usul itu dengan sebulat suara, beberapa orang kenamaan dan dermawan telah menyeru supaya Yayasan yang dicadangkan itu dilaksanakan mengikut apa yang dicita-citakan di bawah usul tersebut.

Beberapa orang dermawan dan ahli telah juga mengikrarkan janji akan memberi sumbangan kepada Tabung Pelancaran (Launching Fund). Antara dermawan-dermawan yang pertama menyatakan ikrar dalam mesyuarat agung itu ialah:-

Yang Mulia Raja Khalid	
Raja Harun	— \$100,000.00
Encik Kamaruddin Hamzah	— \$ 1,000.00
Ahli-Ahli yang hadir secara derma kilat	— \$ 500.00



YAYASAN PENDITA ZA'ABA

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH



*Yang Mulia Tunku Tan Sri
Mohamed bin Tunku Besar
Barhanuddin*



YB. Dr. Ramli bin Ujang




*YB. Encik Abu Zahar @
Azhar bin Datuk A. Ujang*



*Y. Bhg. Dato' Dr.
Haji Mohd. Noordin bin
Haji Keling*



*Y. Bhg. Dato' Haji
Abdul Matek bin Haji
Mohd. Yunus*



*Y. Bhg. Dato' Muhammad
bin Jabil*



*Tuan Haji Abdul Jalil bin
Dato' Jamal*



*Tuan Haji Mohd. Hashim
bin Amir Hamzah*



*Encik Mohd. Zain bin
Haji Hamzah*



*Tuan Haji Abdul Mokti bin
Haji Abdul Rashid*

Pada malam 15hb. Mei, 1981, beberapa ikrar lagi telah dibuat oleh beberapa orang kenamaan dan dermawan untuk menambah Tabung Pelancaran itu. Pada malam jamuan 'Malam Negeri' itu juga beberapa orang cerdik pandai anak-anak Negeri Sembilan yang berkhidmat di Wilayah Persekutuan, telah menjanjikan kerjasama dan sokongan kuat, sama ada dalam bentuk moral maupun material, bagi menjayakan rancangan penubuhan Yayasan itu. Antara mereka yang menjanjikan sumbangan tetap

kepada Tabung Pelancaran itu ialah Dato' Rais Yatim sebanyak \$100.00 sebulan, Encik Abdul Ghani Manaf (Sumbangan sekali gus yang belum ditentukan jumlahnya) dan beberapa orang lagi. Satu kira-kira simpanan Tabung Pelancaran yang berasingan telah dibentuk oleh Badan. Badan sendiri akan menyediakan peruntukan yang berpatutan bagi Tabung Pelancaran ini. Beberapa Jawatankuasa kemudian dibentuk bagi menjalankan langkah pendaftaran apa yang disetujui sebagai Yayasan

Za'aba.

Hari ini, setelah 6 tahun idea itu dilahir dan diterima, Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan dapat berbangga memelopori penubuhan sebuah Yayasan bercorak kebangsaan, yang akan dimanfaatkan kepada seluruh rakyat di negara ini.

Mudah-mudahan usaha murni ini akan senantiasa diberkati oleh Allah.

Amin.

DALAM KEBANGKITAN

(Kepada mereka yang meneroka hidup cemerlang)

Sinaran mencerlah dipelabuhan petang berwarna
mungkin mematah hidup sia-sia
akan luluh bersama

Ketika perjalanan jauh mencari kemuliaan

Menebus perjuangan luhur yang patah
ketika musim subur dan gugur
menghempas korban, tersungkur
noda pura-pura jujur

Dulu sinar tenggelam dipelabuhan senja
tinggal sebuah kenangan, kawan-kawan tersayang,
Ribuan kewaspadaan terbenam, hanyut diawan
menekan seluruh yang bimbang
terbujur hidup kepalang.

Kini, sinaran mencerlah dipelabuhan pagi
kekal mengabadi diri diperjudian seluruh budi.

Kuala Lumpur
15hb. Mei, 1981

—Pendukung rancangan
YAYASAN PENDITA ZA'ABA





Ketika menerima anugerah Panglima Mangku Negara (P.M.N.) daripada DYMM Seri Paduka Yang DiPertuan Agong Tuanku Syed Putra Jamalullail pada yang membawanya gelaran Tan Sri.

PENDITA ZA'ABA

JASAMU DIKENANG

(Disusun oleh: Hashim Amir Hamzah)

Nama Za'aba itu adalah kependekan dari Zainal Abidin bin Ahmad. Beliau dilahirkan pada 16 haribulan September, 1895 di kampung Batu Kikir, tidak jauh dari sebuah pekan kecil yang bernama Kuala Jempul dalam daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Ayahnya Ahmad bin Ibrahim berasal dari kampung Linggi dari keturunan Bugis. Ia dikenali oleh orang-orang kampungnya dengan panggilan Cik Mat sahaja. Ibunya orang Batu Kikir bernama Intan Awaluddin. Kerana bersemenda dengan gadis Batu Kikir ini maka Encik Ahmad pun menetap di kampung ini. Dia menjadi seorang petani dan pemborong membuka jalan-jalan baru. Ketika itu banyak juga jalan-jalan baru di sekitar daerah Kuala Pilah dan jalan yang menghubungkan Jelebu ke Bentong mulai dibuka. Di dalam kampungnya itu ia terkenal kerana pengetahuan agamanya dan dialah juga satu-satunya orang kampung itu yang tahu membaca dan menulis huruf Melayu atau huruf Jawi.

Waktu umur Zainal Abidin lima tahun, bapanya telah mengajarnya mengaji Quran. Dalam masa tiga tahun sahaja ia telah tamat Quran. Fardu Ain seperti rukun-rukun sembahyang sudah mahir dipelajarinya.

Pada zaman itu bukan murid yang mencari sekolah tetapi sekolah yang mencari murid. Umur Zainal Abidin ketika itu meningkat dua belas tahun dan sebuah sekolah telahpun didirikan di Batu Kikir.


Dua minggu sebelum sekolah dibuka, maka guru-gurunya mengumpulkan kanak-kanak lelaki yang akan dimasukkan ke sekolah tersebut dari kampung-kampung yang berhampiran.

Ada seramai 82 atau 83 kanak-kanak yang telah dapat dikumpulkan. Diantaranya termasuklah Zainal Abidin bersama adiknya Muhd. Yusuf yang berumur tujuh tahun.

Pada 1 Julai 1907, ia mula dimasukkan ke sekolah itu. Ia seorang ditempatkan di darjah tiga kerana ia telah pandai membaca dan menulis. Yang lainnya semua untuk darjah satu, iaitu dijadikan tiga kumpulan; tiap-tiap satu kumpulan terdiri dari 27 orang.

Pada akhir tahun 1907, Zainal Abidin telah berpindah dan bersekolah di Linggi, tinggal bersama-sama mak saudara bapanya yang bernama Hajah Halimah, nenek saudaranya ini sudah berumur 60 tahun dan menjadi guru Quran.

Pada sebelah pagi Zainal Abidin belajar di sekolah manakala di



Patret sendiri.

sebelah petang ia belajar agama pada tuan guru Abbas.

Tiga tahun kemudian ia lulus darjah lima dengan mendapat nombor satu dan dipilih untuk menyertai peperiksaan khas yang akan diadakan di Seremban sebagai wakil sekolahnya. Ujian ini untuk memilih calon-calon ke sekolah Inggeris.

Dari seluruh Negeri Sembilan, ada 265 orang murid-murid yang turut mengambil ujian. Tiap-tiap seorang murid dikehendaki menulis di atas kertas ujiannya, sama ada memilih menjadi guru atau meneruskan pelajarannya ke sekolah Inggeris — Malay College Kuala Kangsar atau Christian Brother's School di Seremban.

Bapa Zainal Abidin tidak suka anaknya ke sekolah Inggeris, takut anaknya jadi kafir, kalau mati nanti tak tahu mengucap dua kalimah shahadat. Bapanya berhajat hendak menghantar Zainal Abidin menuntut di Mekah supaya jadi orang alim dalam agama. Zainal Abidin terpaksa membuat pilihan menjadi guru. Dalam peperiksaan khas itu ia berjaya mendapat nombor satu.

Guru besarnya di Linggi memarahinya kerana memohon jadi guru. Menjadi guru pada masa itu tiada mempunyai masa depan. Gaji guru pada ketika itu hanya \$6.00 sebulan.

Guru besarnya itu menganjurkan supaya Zainal Abidin membuat permohonan. "Aku buat surat itu, engkau salin" kata guru besarnya. Oleh kerana Tuan Alexander Keir, Inspector Sekolah dan pegawai pelajaran tak lama lagi akan melawat ke sekolah Zainal Abidin, maka peluang ini patut digunakan sebaik-baiknya. Guru besarnya menyuruh Zainal Abidin berjumpa sendiri dengan Tuan Keir dan menyerahkan surat

permohonan itu. Ia telah diajar bagaimana cara-caranya mahu masuk menjumpai orang putih itu apabila dia datang ke sekolahnya nanti.

Zainal Abidin ditanya oleh Tuan Keir kenapa dulu ia meminta menjadi guru. Zainal Abidin menerangkan bahawa bapanya tidak suka dia belajar bahasa Inggeris. Orang putih itu berjanji akan cuba mendapatkan tempat di Sekolah Inggeris di Seremban kerana di Malay College Kuala Kangsar tiada tempat lagi.

Zainal Abidin berjaya mendapat tempat di Sekolah Christian Brother's St. Paul di Seremban. Sekolah ini dikendalikan oleh pendakwah-pendakwah agama Kristian mazhab Katolik. Semua guru-gurunya memakai jubah hitam dan dipanggil *brother* dan *father*.

Tiga tahun bapanya tidak mahu menemuinya kerana Zainal Abidin meneruskan hasratnya belajar di sekolah Inggeris dengan tiada izinnya.

Pada masa itu orang-orang Melayu mempunyai prasangka terhadap sekolah Inggeris. Barangkali tentangan tidak sehebat itu dari orang kampung sekiranya sekolah tersebut sekolah Inggeris biasa yang tiada mempunyai hubungan langsung dengan agama Kristian, tetapi pada masa itu hanya sekolah-sekolah dakwah Kristian yang serupa itulah sahaja yang mengajar bahasa Inggeris. Ibu bapa yang menghantar anaknya ke sekolah Inggeris pada masa itu dipandang seorang dan dicemohi.

Sekolah Inggeris St. Paul Institution di Seremban tempat Zainal Abidin belajar itu ialah satu-satunya sekolah Inggeris yang ada di Negeri Sembilan. Daripada 350 orang murid di sekolah itu dalam tahun 1910, hanya 30 atau 40 orang sahaja

anak-anak Melayu selebihnya anak-anak Cina, India dan Serani.

Kemajuan Zainal Abidin dalam pelajaran sangat mengagumkan. Dari darjah tiga ia melompat ke darjah lima dan dari darjah lima pula ia melompat lagi naik ke darjah tujuh. Zainal Abidin lulus Senior Cambridge dalam tahun 1915.

Semasa menunggu keputusan peperiksaan Cambridgenya, Zainal Abidin menjadi guru sementara di sekolahnya dengan gaji \$25.00 sebulan. Apabila keputusan diterimanya iapun berhenti jadi guru di sekolahnya.

Pada 1 Jun 1916, Zainal Abidin mula bekerja sebagai guru di Bukit Zahrah English School di Johor Bahru. Kira-kira sebulan kemudian ia berpindah mengajar di English College.

Setelah setahun Zainal Abidin bekerja di Johor Bahru, ia ditunangkan oleh ayahnya dengan seorang gadis dari kampung Juaseh. Pada mulanya ia menentang kehendak ayahnya tetapi akhirnya dia mengalah. Sebenarnya ketika itu Zainal Abidin sudah ada pilihannya sendiri iaitu seorang janda bernama Rafeah yang menjadi jirannya. Mereka telah berjanji akan berkahwin apabila Zainal Abidin sudah mampu menyara nafkah seorang isteri.

Hanya satu jalan sahaja untuk mencapai maksud mereka iaitu dengan menggunakan adat 'mendapatkan'. Iaitu satu adat di Kuala Pilah yang membolehkan anak dara atau janda datang ke rumah lelaki dengan membawa keris sebagai bukti mereka sudah berjanji. Rafeah melakukan adat 'mendapatkan' Zainal Abidin pada waktu maghrib 10 April 1917. Gempar juga pada malam itu. Mahu tidak mahu, menurut adat tadi Zainal Abidin dan

Rafeah terpaksa diijab kabulkan pada malam itu juga.

Pada masa itu perkahwinan diantara janda dengan teruna memang tidak diresmi oleh ibu bapa mana juga pun. Masyarakat tidak dapat menerima perkahwinan serupa itu. Teruna hanya dara sahaja pasangannya manakala janda hanya dua sajaklah yang layak menjadi teman hidupnya.

Bapanya mendesak supaya Zainal Abidin menceraikan Rafeah. Dia tidak dapat berdalih lagi dari menurut kehendak bapanya kerana kata bapanya kehendak Zainal Abidin sudah pun tercapai bila mengahwini Rafeah kini tunaikanlah pula kehendaknya. Bapanya mengugut, kalau Zainal Abidin tidak menurut katanya maka akan putuslah perhubungan mereka. Rafeah diceraikan oleh Zainal Abidin pada 12 Julai tahun 1917. Pada akhir tahun 1917 itu juga Zainal Abidin dikehawinkan dengan tuangnya dahulu — Fatimah, pilihan ayahnya iaitu gadis yang tak pernah dilihatnya.

Semasa mengajar di Johor Bahru itu Zainal Abidin dapat tahu dari A. Majid Zainuddin yang mengajar bahasa Melayu di Malay College Kuala Kangsar bahawa dia akan berhenti daripada pekerjaannya kerana mendapat suatu jawatan lain di Jeddah. A. Majid mengajurkan supaya Zainal membuat permohonan untuk menggantikan tempatnya. Kalau permohonan Zainal Abidin itu berjaya dia akan dapat menerima gaji permulaan sebanyak \$100.00 sebulan dan kalau lulus Kelas Normal dia boleh menerima kenaikan gaji sehingga \$210.00 berbanding dengan gaji yang diterimanya mengajar di Johor Bahru iaitu hanya \$85.00 sebulan. Selain daripada gaji, ada disediakan rumah untuk tinggal. Selama di Johor Bahru Zainal Abidin cuma

tinggal di salah sebuah menara sekolahnya sahaja. Dia bersetuju membuat permohonan.

Pemohonan Zainal Abidin itu berjaya dan mulai dari 3 Oktober 1918 ia bertukar menjadi guru khas bahasa Melayu di Malay College Kuala Kangsar. Sambil mengajar, setiap hari Jumaat dan Sabtu ia mengikuti Kelas Normal di Taiping. Dua tahun kemudian dia lulus peperiksaan Normal. Walaupun Zainal Abidin telah lulus Normal gajinya tidak dinaikkan. Ini ada kaitannya dengan kegiatannya menulis dalam akhbar-akhbar Melayu dan Inggeris. Ia telah dicurigai oleh kerajaan, dituduh menghasut dan menderhaka.

Raja Sir Chulan, salah seorang anggota Board of Governors Malay College telah memanggilnya bertanyakan tentang kegiatannya menulis di dalam akhbar. Zainal Abidin menafikannya. "Tetapi semua orang tahu engkau suka menulis", kata Raja Chulan. Namun demikian ia terus mengkritik kerajaan terhadap perkara-perkara yang tidak adil yang dialami dan disaksikan sendiri olehnya. Contohnya seperti perbezaan antara sekolah Melayu yang dhaif dengan sekolah Inggeris yang serba lengkap.

Zainal Abidin menulis dalam surat-surat khabar sejak dia di Johor Bahru lagi. Tuan R.O. Winstedt Asst. Director of Education pada ketika itu tahu tentang kegiatannya itu tetapi tidak pernah mengambil apa-apa tindakan terhadapnya. Malah Winstedt telah menjadi salah seorang sahabat akrabnya.

Pada tahun 1923 Winstedt mencadangkan supaya Zainal Abidin dipindahkan ke Kuala Lumpur bekerja di bawahnya. Waktu di Kuala Lumpur ia bertambah giat lagi menulis. Kemiskinan dan kemunduran

orang Melayu menjadi perhatian utamanya bila menulis. Masalah kemiskinan dan ketinggalan orang-orang Melayu dalam segala bidang didedahkan begitu rupa tetapi dikemukakan juga pendapatnya bagaimana mengatasinya. Ia menulis memberi kesedaran bahawa kemunduran orang-orang Melayu bukan hanya semata-mata kerana angka orang putih tetapi orang-orang Melayu turut bersalah.

Setelah setahun lamanya Zainal Abidin di Kuala Lumpur, maka dalam bulan April 1924 ia ditukarkan ke Tanjung Malim. Gajinya masih tidak dinaikkan. Suatu hari dia didatangi oleh Tuan Hamilton seorang Pegawai Polis. Dalam pertemuannya itu Tuan Hamilton cuba mencungkil pendapatnya terutama yang bersabit dengan tulisan-tulisannya dalam akhbar. Dalam pertemuan ini juga Zainal Abidin mengaku ada menulis dengan menggunakan nama samaran Anak Melayu Jati. Menurut cerita seorang kawannya hasil laporan sulit Hamilton yang baik kepada Kerajaan mengenai Zainal Abidin, gajinya akhirnya dinaikkan. Tunggakan gajinya yang patut dinaikkan sejak tahun 1921 juga telah dibayar.

Sesudah tiga bulan di Tanjung Malim, Tuan O.T. Dussek yang menjadi Pengetua Maktab Perguruan Sultan Idris ketika itu telah mengusulkan kepada Winstedt supaya didirikan Pejabat Karang Mengarang yang bertujuan mengeluarkan buku-buku untuk kegunaan sekolah Melayu. Jabatan Karang Mengarang ini jadi ditubuhkan dengan dikendalikan oleh satu jemaah pengarang yang terdiri dari tiga orang, Winstedt sebagai General Editor dan Dussek dengan Zainal Abidin sebagai pembantunya. Pegawai-pegawai Inggeris yang berdua itu hanya menjawab jawatan Editor pada namanya sahaja,



Merorima ijazah Doktor Kehormat Persutatan dari Sir Malcolm MacDonald, Canselor Universiti Malaya, Singapura pada bulan September 1959.



kebanyakan daripada buku-buku itu diedit dan dikerjakan oleh Zainal Abidin. Pada masa sebelum perang dahulu Jabatan ini banyak juga mengeluarkan buku-buku bacaan.

Pada akhir bulan September 1939, iaitu kira-kira tiga minggu selepas tercetusnya Perang Dunia Kedua, akibat serangan Hitler ke Eropah, Zainal Abidin dipindahkan bertugas di Jabatan Penerangan di Singapura secara pinjaman dari Pejabat Pelajaran. Pejabatnya menumpang di Malaya Broadcasting Corporation. Tugas Zainal Abidin pada ketika itu sebagai juruhebah perang di Radio Malaya Singapura. Diantara kerja-kerja yang dilakukannya ialah menterjemahkan semua berita dari bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu untuk siaran radio, suratkhbar dan dijadikan risalah. Isinya sudah tentulah propaganda British untuk mengabui mata rakyat tentang kelemahannya dengan menonjolkan kegagahannya. Kononnya kubu pertahanan mereka di Singapura itu adalah yang terkokoh sekali, satu kubu yang kebal yang tidak dapat ditembusi oleh musuh. Tetapi akhirnya Inggeris menyerah kalah kepada Jepun di Singapura pada 15 Februari 1942. Waktu itu Zainal Abidin masih berada di Singapura.

Beberapa hari sesudah Jepun menakluki Singapura, Zainal Abidin mula mencari kerja. Dia berjumpa dengan Ibrahim Haji Yaacob yang pernah menjadi muridnya di Maktab Perguruan Sultan Idris dahulu. Zainal Abidin diambil bekerja oleh Ibrahim di Syonan Shimbun bekas Straits Times.

Dalam bulan Mac 1942, orang-orang radio sampai dari Tokyo. Semua orang-orang yang bekerja di Jabatan Penyiaran dahulu dipanggil balik bekerja. Zainal Abidin diambil bekerja semula oleh Jepun. Tugasnya ketika itu

membetulkan terjemahan bahasa Inggeris kemudian dibahagi-bahagikan kepada bahagian Melayu, Tamil, Cina dan Hindustani. Masa bertugas dibahagi dua. Sebelah pagi bekerja di Bunkyoka (Department of Education, Malaya and Sumatra) dan pada sebelah petang bertugas di radio. Dari radio dia mendapat setengah gaji sebanyak \$150.00 sementara dari Bunkyoka pula ia mendapat \$100.00.

Dalam masa pemerintahan Jepun itulah anak sulungnya dari isterinya Cik Fatimah dikahwinkan. Majlis perkahwinan itu telah dilangsungkan dalam keadaan yang amat sederhana sekali. Para tetamunya kira-kira seramai 10 orang bersama-sama tuan kadi telah dijamu dengan mi. Pada esok paginya beberapa orang tetamu Jepun diantaranya Major Takarada, Pengarah radio telah dijamu dengan mi juga.

Pada pertengahan tahun 1945, jiran sebelah rumahnya seorang Jepun Yoshikawa namanya telah menasihatkan Zainal Abidin supaya balik ke kampung, kerana Nippon akan kalah perang. Syonan-to akan dibom oleh Amerika. Yoshikawa ini bekerja di dalam Angkatan Laut. Nasihat jirannya ini diterimanya. Sesudah bermuafakat dengan anak isterinya, dia memohon berhenti dari jawatannya. Mula-mula Jepun ketuanya itu tidak membenarkannya berhenti. Tetapi setelah berulang-ulang kali dipohonnya dengan alasan dia sakit, akhirnya Zainal Abidin dibenarkan berhenti. Sebenarnya pada zaman pendudukan Jepun di Malaya, sudah dua tiga kali Zainal Abidin jatuh sakit. Pada awal tahun 1944 dia jatuh sakit, penyakitnya sembuh sesudah diubut lebih kurang kerana ubat yang baik susah didapati. Kalau ada pun hanya dikhaskan untuk pegawai-pegawai Jepun sahaja.

Diakhir tahun 1944 Zainal Abidin jatuh sakit lagi hingga terpaksa mengambil cuti.

Pada 12 September 1945, tentera British mendarat di Morib. Kemudian disusuli oleh pegawai-pegawai Pentadbiran Tentera British-British Military Administration (BMA) yang akan menguruskan pentadbiran di negeri ini.

Dalam pentadbiran BMA itu, Zainal Abidin mula bekerja di Mahkamah Tinggi. Tugasnya menterjemah semua pengumuman, perintah dan peraturan-peraturan yang berupa undang-undang untuk disiarkan kepada orang ramai. Sebulan kemudian dia bertukar ke Pejabat Tanah. Di antara teman sekerjanya di pejabat yang baru itu Encik Zaiton Ibrahim (Allahyarham Tan Sri Zaiton Ibrahim). Setelah bekerja selama setengah bulan di Pejabat Tanah, pada awal tahun 1946 Zainal Abidin dipanggil bekerja di Public Relation Office (Pejabat Perhubungan Raya) yang pada masa itu diketuai oleh J.N. MacHugh. Selepas Tuan MacHugh ketuanya ialah Tuan Sheppard (Tan Sri Mubin Sheppard).

Pada masa itu Malayan Union cuba dipaksakan oleh British ke atas pentadbiran Tanah Melayu iaitu satu corak pemerintahan yang akan mengubah kedudukan politik dan undang-undang dasar Tanah Melayu menjadi satu 'kesatuan'. Kesatuan yang dimaksudkan disini ialah tiga corak pemerintahan British di Malaya sebelum Perang Dunia Kedua dahulu disatukan. Negeri-negeri Yang Bersekutu (Federated Malay States) (yang terdiri dari Negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang dan Negeri-negeri yang Tidak Bersekutu (Un-Federated Malay States)) (yang mengandungi negeri-negeri Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis) yang dikenali pada

masa itu sebagai Negeri-negeri Yang Di bawah Naungan British yang mempunyai Raja-Raja yang berdaulat, disatukan dengan Pulau Pinang dan Melaka ditukar tarafnya menjadi sebagai tanah jajahan British. Tetapi Singapura dikeluarkan dari kesatuan atau union ini.

Oleh yang demikian, Raja-Raja Melayu kehilangan kuasa hingga tarafnya sama dengan seorang kadi atau mufti sahaja, kerana kuasa duli-duli baginda yang tinggal hanya sebagai Ketua Hal Ehwal Ugama dan Adat Istiadat Melayu. Ini adalah akibat dari pujuk rayu Harold MacMichael, wakil Kerajaan British yang menemui Raja-Raja Melayu hingga duli-duli baginda bersetuju menurunkan tandatangan menerima Malayan Union.

Orang-orang Melayu di seluruh negara mulai resah gelisah terhadap *Malayan Union* yang mengancam masa depan mereka. Orang-orang Melayu di Kuala Lumpur melalui Persatuan Melayu Selangor telah membentuk sebuah jawatankuasa bertindak. Zainal Abidin telah dilantik menjadi Pengerusinya. Tugas jawatankuasa ini ialah mengambil daya usaha mengambil semua Persatuan-Persatuan Melayu dari negeri-negeri yang ada persatuannya, Raja-Raja, pemimpin-pemimpin Melayu yang terkemuka untuk bersatu tenaga menentang Malayan Union.

Suasana politik ketika itu agak tegang. Orang-orang Melayu di bawah pimpinan Datuk Onn bin Jaafar telah membuat bantahan keras terhadap kerajaan British. Masyarakat Melayu melancarkan protes secara simbolis dengan berkabung pada 1 April 1946 dan memulaukan perantikan Gabenor yang pertama bagi Malayan Union, iaitu Sir Edward Gent.

Selepas mesyuarat agung Zainal

Abidin pun menarik diri. Ia menyedari politik bukanlah lapangannya. Tetapi ia ikut serta bersama-sama masyarakat Melayu seluruhnya berkabung waktu Gabenor Edward Gent itu datang. Apa yang berlaku sesudah itu adalah menjadi sejarah yang tidak dapat dilupakan.

Pada pertengahan tahun 1947, Zainal Abidin menerima tawaran bekerja di London Universiti, melalui Tuan H.R., Cheeseman yang menjadi Pengarah Pelajaran pada ketika itu. Waktu itu Zainal Abidin sedang mengidap sakit batu karang di dalam ginjalnya di sebelah kiri. Dia dikehendaki dibedah untuk mengeluarkan batu itu.

Pada 27 Jun 1947, Zainal Abidin masuk hospital. Pada 1 Julai baharulah dia dibedah dengan selamat. Setelah kesihatannya pulih, ia bertolak menaiki kapal menuju ke London dari Singapura pada 26 September.

Pada 31 Oktober kapal itu pun selamat sampai di London.

Zainal Abidin mula mengajar di Universiti London pada 1 November 1947. Kerjanya tidak begitu banyak hanya dua tiga jam sehari. Ada masanya tidak mengajar langsung. Pelajar-pelajar yang diajarnya di universiti itu terbahagi kepada dua golongan. Satu golongan terdiri dari pemuda-pemuda Inggeris yang baru lulus dari Universiti Cambridge yang akan dihantar menjadi pegawai di Malaya, Sabah, Sarawak dan Brunei. Kursus bahasa Melayu yang mereka pelajari itu selama enam bulan. Mereka dari golongan inilah yang lebih ramai daripada golongan yang satu lagi. Golongan yang kedua mengambil ijazah sarjana yang mesti mendalami pelajaran sastera Melayu, bahasa, nahu dan sebagainya. Kursus ini

mengambil masa selama tiga tahun.

Oleh kerana Zainal Abidin banyak mempunyai masa lapang, dia bercita-cita hendak mengambil kursus untuk ijazah sarjananya sendiri. Setelah disemaknyanya kelulusan yang diperlukan untuk mengambil ijazah sarjana, didapatinya yang layak hanya kelulusan Grade 1 dalam peperiksaan Cambridge. Di samping itu calon mesti memperoleh kepujian dalam 5 matapelajaran. Dia hanya lulus Grade 3. Dia perlu memasuki Entrance Examination.

Zainal Abidin terus berusaha untuk mencapai cita-citanya mendapatkan ijazah. Setelah setahun di London, ia mengambil diploma dalam bahasa Arab dan ia lulus dalam satu peperiksaan yang diadakan dalam bulan April 1949. Enam bulan kemudian ia memasuki peperiksaan *Matriculation*. Ia mengambil matapelajaran bahasa Inggeris, Logika, Sejarah Eropah (1800-1914) dan bahasa Belanda. Matapelajaran Logika diambil sebagai ganti Mathematic. Untuk mengambil ijazah BA dalam bahasa Melayu harus ada bahasa Arab dan Belanda. Dia lulus dalam semua matapelajaran yang diambilnya dalam peperiksaan ini walaupun bahasa Belanda nyaris kandas. Ia tidak dapat mengambil ijazah sarjananya di London kerana ia mesti pulang ke Malaya. Ia bermaksud akan menduduki peperiksaan itu di Malaya sahaja menerusi External Examination. Zainal Abidin berazam kuat mesti memperoleh ijazah kerana ia akan mengajar di Universiti Malaya, maka ia berasa kurang senang kalau ia sendiri tiada mempunyai apa-apa ijazah.

Dalam perjalanan pulang ke Malaya, Zainal Abidin dan isterinya singgah di Mesir kemudian di Mekah dan Madinah menunaikan fardu haji.

Tidak berapa lama sesudah kembali ke Tanah Melayu, Zainal Abidin bersara dari Pejabat Pelajaran. Pada waktu itu ia telah menjadi pensyarah di Universiti Malaya Singapura.

Keperluan kepada sebuah jabatan yang khusus untuk pengajian Melayu telah dianggap begitu mendesak, demi melihat perkembangan bahasa Melayu di rantau ini, maka berita perlantikan Zainal Abidin sebagai pensyarah kanan telah menjadi berita yang menggembirakan dan disambut dengan hangat oleh masyarakat Melayu.

Majalah *Qalam* keluaran bulan Februari 1953 telah menulis dalam tajuk rencananya mengenai perlantikan Zainal Abidin sebagai-pensyarah kanan di Universiti Malaya Bahagian Melayu seperti berikut:

Suatu berita yang patut disambut dengan gembira oleh ahli-ahli persatuan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu khususnya dan Gugusan Pulau-Pulau Melayu amnya, ialah lantikan Encik Zainal Abidin bin Ahmad yang lebih terkenal dengan nama Za'ba menjadi seorang pensyarah yang kanan dalam Universiti Malaya Bahagian Melayu. Lantikan itu beserta pula dengan lantikan Dr. Edward de Josselin de Jong.

Apabila Universiti Malaya dibuka pada beberapa tahun yang lalu maka masalah bahasa Melayu di dalam Universiti itu telah berbangkit dan bagi mereka yang mengikuti keadaan-keadaan dan perjalanan bahasa Melayu mereka yakin bahawa orang Melayu yang sangat layak dan cukup berpengalaman di dalam bahasa Melayu di Semenanjung ini tidak lain ialah Za'ba dan sebab itu mereka berkeyakinan bahawa ialah orangnya yang tepat untuk menduduki kerusi itu dengan taraf duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan lain-lain orang dan itulah juga syarat yang kita ketahui dikehendaki oleh Encik Za'ba taklaka diminta duduk di sana kerana boleh jadi ia telah jemu semata-mata terletak di bawah 'orang lain' yang sebahagiannya pula 'orang lain' itu kelayakannya lebih rendah di dalam bahasa Melayu.

Tetapi ada pula sebahagian daripada 'orang-orang yang masih mentah di dalam bahasa Melayu' telah membidas menyatakan bahawa Encik Za'aba tidak layak menduduki kerusi itu ataupun yang dibawahi daripadanya. Kita hairan mendengar fikiran ini kerana sebenarnya sebagai ahli bahasa Melayu, Encik Za'aba adalah diakui memang ahlinya dan pengakuan itu bukannya saja diberikan oleh orang-orang di Semenanjung Tanah Melayu ini tetapi juga di lain-lain tempat terutamanya di Indonesia. Yang di sana ia terkenal sebagai pujangga Melayu yang utama dijunjung tinggi oleh mereka itu.

Sekarang Encik Za'aba yang telah berpengalaman menjadi pensyarah bahasa Melayu di dalam sekolah tinggi bahasa-bahasa Timur di London telah dilantik menjadi pensyarah di dalam Universiti Malaya dan akan menjawab jawatannya itu pula pada bulan April hadapan sedang jawatan professor Bahasa Melayu di universiti itu belum lagi diadakan sementara ini. Yang demikian adalah menjadi suatu pertanyaan bagi orang-orang Melayu, adakah pengalaman dan pengetahuan Encik Za'aba dalam bahasa Melayu itu tidak boleh melayakkannya menjadi professor? Padahal menurut pendapat(an) dan keyakinan kita bahawa kebolehan dan kelayakan Encik Za'aba di dalam bahagian ini tidak kurang daripada professor-profesor bahasa Melayu di Indonesia yang terdiri daripada bangsa Indonesia sendiri. Yang demikian ini adalah menjadi suatu tanda tanya yang besar kepada kita, iaitu adakah yang demikian itu kerana kulit, padahal seorang yang seumpamanya itu tentulah ia lebih faham tentang bahasanya daripada orang lain, iaitu baik tentang penyelidikan dan pengetahuan serta petah tutur katanya? Atau adakah kerana ketiadaan sekeping kertas yang dipanggil degree, yang tidak dapat mengubah atau mencaat kebolehan dan kelayakan seseorang yang sememangnya layak? Tetapi di dalam apa-apa hal pun, kita wajib bersyukur atas lantikan ini kerana adalah ia menjadi salah satu yang boleh kita megahkan bahawa ada bangsa kita Melayu yang berkelayakan memegang jawatan tersebut, yang boleh duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan orang-orang lain.

Mudah-mudahan Encik Za'aba yang dikasihi akan dapat menyemai bahasa kita itu dengan suatu binaan yang akan

menghidupkan bahasa Melayu jati dengan subur di dalam alam persuratan Melayu yang akan datang.

Dalam satu majlis jamuan teh yang telah diadakan oleh Penerbit-Penerbit Melayu Singapura (Qalam, Mibs, Melayu Raya dan Hiburan) dengan kerjasama Lembaga Bahasa Melayu Singapura yang telah diadakan di Sea View Hotel bagi meraikan perlantikannya sebagai pensyarah kanan itu, Zainal Abidin dalam ucapan terima kasihnya antara lain berkata, "Bahawa saya merasa diri saya tidak cukup layak bagi menerima jawatan yang telah diberikan kepada saya ini, kerana saya tidak mempunyai kelulusan universiti dan sebagainya. Sungguhpun begitu saya ini bolehlah diumpamakan kepada pepatah Melayu, sebelum dapat rotan akar pun memadailah."

Sir Sydney Caine, Naib Canselor Universiti Malaya pada waktu itu, ada hadir bersama. Dalam ucapannya bagi pihak jemputan telah berkata: "Tuan Za'aba sangat merendahkan dirinya tentang kebolehan dan kelayakannya, padahal ia bukanlah orang baru dalam pekerjaan seperti ini, ia pernah menjadi pensyarah di Sekolah Pelajaran Timur di United Kingdom. Tuan Za'aba bukan saja akan menjadi pensyarah yang kanan dalam Jabatan Melayu Universiti Malaya tetapi ia juga akan mengetuai jabatan tersebut. Sungguhpun Tuan Za'aba mengumpamakan dirinya sebagai akar, tetapi akar itu akan berguna juga dan akan digunakan sekalipun sudah ada rotan yang dikhendaki itu."

Zainal Abidin telah mengambil peperiksaan untuk ijazah kesarjanaannya dari Universiti London dalam tahun 1953 itu juga, ketika usianya telah mencapai 58 tahun dan telahpun menduduki kerusi Pengetua Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura. Dia

mendapat ijazah kelas dua.

Kira-kira sebulan sebelum Jabatan Pengajian Melayu itu menghasilkan siswazahnya yang pertama, Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu seMalaya yang ketiga diadakan di Singapura dan di Johor Bahru (dari 16 hingga 21 September 1956). Sesuai dengan kedudukannya sebagai Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Zainal Abidin telah dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pusat Kongres itu.

Para perwakilan daripada 51 buah persatuan dan badan-badan yang menjadi kerabat kongres, termasuk para jemputan khas telah menghadiri Kongres tersebut. Ahli-ahli bahasa dari Indonesia untuk kali pertama telah datang sebagai peserta. Mereka terdiri dari Prof. Prijono, Hamka, St. Mohd. Zain, Nur St. Iskandar dan Zahari dari Medan.

Kongres Bahasa dan Persuratan yang ketiga itu adalah kongres yang paling besar dan penting yang pernah diadakan di Tanah Melayu, sebagai lanjutan daripada Kongres Bahasa yang pertama di Singapura dalam tahun 1952, dan Kongres Bahasa yang kedua di Seremban dalam tahun 1954.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Besar dan sebagai peserta yang aktif Zainal Abidin banyak memberikan sumbangan besar bagi kejayaan Kongres ini.

Kongres ini telah membincangkan kertaskerja-kertaskerja yang mengenai bahasa dan sastera, muzik dan seni lukis, filem dan sandiwara.

Zainal Abidin sendiri sebagai ahli bahasa turut memberikan fikiran dan pendapat kepada kertaskerja yang dikemukakan oleh Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya yang berjudul 'Laporan Tentang Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia.

Sebagai ketua, keputusan Kongres ini telah diserahkan olehnya kepada Datuk Abdul

Razak pada masa itu menjadi Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, dalam satu upacara penutup yang gilang gemilang yang telah diadakan di Istana Besar Johor Bahru.

Salah satu keputusan yang amat menarik pada akhir persidangan itu, yang diadakan secara tertutup dan rahsia di antara para perwakilan ialah untuk memberikan gelaran 'pendita' kepada Zainal Abidin.

Keputusan ini telah dirahsiakan begitu rupa sehingga bukan saja Zainal Abidin yang tidak mengetahuinya tetapi juga para hadirin dan hadirat dalam upacara penutup itu.

Teks anugerah kehormatan Kongres yang dimeteri di Istana Besar Johor Bahru pada 21 September 1956 bersamaan 6 Safar 1376 itu berbunyi:

Di saat kita menutup Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang bersejarah ini, bertemulah kita dengan titik baru dalam sejarah perkembangan bahasa dan persuratan Melayu. Dengan Kongres ini sampailah kita kepada suatu kemuncak dari perjuangan yang dimulakan oleh nenek moyang kita, sejak zaman Tun Seri Lanang membawa kepada zaman Abdullah Abdul Kadir Munsyi dan luluh kepada zaman Syed Syeikh Al-Hadi, menjelang pula kepada zaman Abdul Rahim Kajai.

Sekalian mereka ini merupakan lambang dari perjuangan bahasa dan Persuratan Melayu di Tanahair kita yang amat kita junjung tinggi ini.

Sekarang ini bermulalah kita dengan suatu zaman baru — zaman bahasa dan kesusasteraan Melayu bertumbuh dan berpadu, berdaulat dan dijunjung tinggi pula oleh lapan puluh juta saudara dua sebaya kita bangsa Indonesia dari Sabang sampailah ke Mureuke.

Setelah melalui zaman-zaman ini, lambang itu tumbuh semula membawa semangat dan perjuangan yang sudah didukung oleh pahlawan-pahlawan bahasa kita yang sudah hilang itu. Lambang itu kita dirikan pada hari ini, di tengah-tengah semangat seluruh bangsa Melayu yang menghendaki bahasa dan kesusasteraannya tinggi dan berdaulat. Dan ini sesuai pula dengan kebulatan azam bangsa

Melayu untuk berdiri sebagai suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Di antara deruan angin di Selat Melaka, di antara kocakan ombak dan air yang memisahkan kita dengan Kepulauan Indonesia, maka dengan ini Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya yang ketiga menganugerahkan kehormatan dengan meletakkan lambang dan tonggak bahasa dan kesusasteraan Melayu kepada Tuan Haji Zainal Abidin Ahmad (Za'aba). Bahawa dengan ini disyitiharkan gelaran FENDITA kepada yang mulia Tuan Zainal Abidin Ahmad (Za'aba).

Sebuah songkok khas, 'songkok pendita' telah disediakan dan ketika isytihar kehormatan itu dibaca, ketika Zainal Abidin dijemput naik ke atas pentas untuk dimahkotakan oleh Cikgu Mohd. Noor Ahmad yang menjadi wakil Kongres, suasana pada upacara penutup itu tiba-tiba telah menjadi penuh hening dan khidmat, para hadirin sungguh-sungguh terharu perasaannya sehingga dengan tidak segan-segan lagi mengeluarkan air matanya pada waktu itu. Pendita Za'aba sendiri sudah tidak dapat berkata-kata lagi. Benarlah apa yang dikatakan oleh Prof. Prijono dalam ucapannya dalam salah satu sidang Kongres itu, 'bahawa apabila perasaan cinta sudah memuncak, maka kata-kata tidak perlu lagi'.

Cinta antara para hadirin dengan Zainal Abidin dan antara Zainal Abidin dengan hadirin telah mencapai klimaksnya.

Majalah *Qalam* yang banyak menyiarkan makalah-makalah tulisan Zainal Abidin sejak ia diterbitkan, dalam rencana pengarangnya keluaran bulan Oktober 1956, telah mengulakukan gelaran pendita yang telah diberikan kepada Zainal Abidin oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang ketiga itu seperti berikut:

Penulis rencana ini menyatakan setinggi-tinggi syukur atas akluan rakyat kepada ahli bahasa kita Haji

Zainal Abidin bin Ahmad yang terkenal dengan Za'aba. Penulis ini telah menamakan beliau sejak 20 tahun yang lalu sebagai pendita bahasa Melayu dan demikianlah seterusnya sehingga di dalam majalah *Qalam* dan juga *Warta* panggilan dan gelaran itu tetap berjalan. Pada masa itu akluan yang demikian diejek-ejek oleh setengah bahagian terutamanya di dalam masa ribut-ribut hendak menghantar rombongan bahasa ke Indonesia dulu. Tetapi Alhamdulillah sesudah Kongres Ketiga Bahasa Melayu, sesudah mereka bercampur dan mengetahui siapa sebenarnya Tuan Zainal Abidin bin Ahmad itu barulah mereka insaf bahawa beliau patut dan mestinya mendapat gelaran pendita dalam bahasa Melayu. Kerana itu kita berasa tidak ada satu pihak yang lebih bersyukur daripada kita tentang rakyat yang telah menggelarkan beliau pendita. Kita merasa gembira dan bersyukur agar dapatlah terus berkhidmat kepada bahasa yang sangat besar ertinya dengan kebangkitan bangsa pada masa yang akan datang. Inilah kita mengucapakan setinggi-tinggi tahniat atas pemberian gelaran oleh Kongres yang bermakna rakyat meletakkan seseorang itu pada tempatnya yang sebenar.

Dalam Kongres itu juga Zainal Abidin telah dilantik dengan sebulat suara menjadi pengerusi tetap Lembaga Tetap Kongres.

Minggu berikutnya, sesudah bertungkus lumus bekerja dengan tidak mengenal lelah, Zainal Abidin diserang penyakit jantung yang agak berat.

Serangan penyakit itu berlaku semasa dia sedang memberi kuliah. Dia terpaksa dirawat di rumah sakit selama sebulan. Setelah dibenarkan pulang, dia telah diserang pula oleh penyakit saraf. Sekali lagi dia tidak dapat menjalankan tugasnya, kali ini selama dua bulan. Dia telah dinasihatkan supaya melupakan untuk sementara akan kesibukan tugasnya dan pergi berehat ke tempat perangan yang baik. Dia pergi berehat di Bukit Fraser selama dua minggu, tetapi kesihatannya tidak juga beransur baik. Kemudian dia pergi pula ke Taman Negara di Pahang. Dua minggu ia di

Taman itu kesihatannya pun kembali pulih seperti sediakala. Pada pertengahan bulan Januari 1957 dapatlah dia kembali menjalankan tugasnya.

Dua tahun kemudian dalam bulan Januari 1959, ketika ia berumur 64 tahun, ia pun memohon bersara dari jawatannya kerana kesihatannya yang semakin lama semakin mengganggu pekerjaannya.

Pada 17 April, 1959 suatu perjanjian persahabatan telah tercapai antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Republik Indonesia. Sebagai pelaksanaan dari perjanjian ini, satu perjumpaan antara Jawatankuasa Ejaan Rumi Malaysia. (ketika itu Persekutuan Tanah Melayu) yang diketuai oleh Tuan Syed Nasir Ismail dengan Panitia Pelaksanaan Kerjasama Bahasa Melayu — Bahasa Indonesia yang dipimpin oleh Dr. Slamet Muljono, telah diadakan di Jakarta antara 4 hingga 7 haribulan Disember, 1959. Hasil dari pertemuan ini kedua-dua pihak telah mengumumkan satu persetujuan mengenai ejaan baharu yang dipanggil *Ejaan Melindo*. Ejaan baharu ini akan dirasmikan selewat-lewatnya pada bulan Januari 1962. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengesahkan penerimaan ejaan baharu itu, tetapi tidak dapat dilaksanakan terus kerana menunggu pengesahan dari Pemerintah Indonesia.

Kemudian 'konfrontasi' melanda Malaysia dan soal ejaan itu menjadi senyap begitu sahaja. Apabila konfrontasi tamat (setelah tiga tahun lamanya). Hubungan Malaysia dan Indonesia pulih semula. Peluang untuk menghidupkan semula soal ejaan Melindo terbuka. Kerajaan Malaysia terus membentuk sebuah Jawatankuasa Bahasa/Ejaan diketuai oleh Tuan Syed Nasir bin Ismail. Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk:

(1) Mengadakan rundingan

langsung dengan Jawatankuasa Bahasa Pemerintah Indonesia dengan maksud bagi mencapai persetujuan yang seluas-luasnya di dalam penggunaan dan perkembangan Bahasa Melayu/Indonesia, dan untuk memenuhi maksud tersebut supaya mendapat persetujuan dalam lapangan:

- a) Bahasa dalam jangka panjang.
- b) Petukaran bahan-bahan berkenaan dengan bahasa dan sastra.
- c) Soal pemakaian istilah-istilah.

Tidak lama sesudah itu Zainal Abidin pun ikut dalam rombongan Jawatankuasa Ejaan Melayu yang berkunjung ke Indonesia untuk merundingkan penyeragaman ejaan antara kedua buah negara. Rombongan ini bersama-sama dengan Duta Besar Melayu ke Indonesia, Encik Senu Abdul Rahman telah diterima oleh Presiden Sukarno di Istana Merdeka.

Dalam rombongan yang terdiri dari sembilan orang itu, Zainal Abidin duduk sebagai penasihat. Di antara yang ikut termasuklah Aminuddin Baki, Zainal Abidin Ali, Mahmud Ahmad, Muhammad Nor Ahmad, Ramli Abdul Hadi, Buyong Adil dan Sofian Sahuri sebagai sekretaris. Sementara perwakilan di pihak Panitia Ejaan/Indonesia pula terdiri dari Prof. Dr. Slamet Muljono, sebagai ketua, E. Katoppo, N. Sutan Iskandar, Imrad Idris dan Hadi sebagai sekretaris.

Dalam bulan September tahun itu juga, sebelum ikut serta dalam rombongan Jawatankuasa Ejaan Melayu ke Jakarta, Zainal Abidin telah dianugerahkan ijazah kehormat Doktor of Letters (D. Litt.) oleh Universiti Malaya sebagai mengenang jasa dan baktinya kepada bahasa dan persuratan Melayu yang tidak ada tolok bandingnya.

Zainal Abidin kemudian dianugerahkan bintang kehormatan P.M.N. (Panglima Mangku Negara) oleh Baginda Yang DiPertuan Agung, dengan membawa gelaran Datuk dan kemudian ditingkatkan menjadi 'Tan Sri' dalam tahun 1962.

Di atas anugerah itu Abdul Rahman Talib, Menteri Pelajaran pada waktu itu, juga salah seorang daripada muridnya telah berkata: "Anugerah itu diberikan kepadanya kerana baktinya yang luar biasa dan mengangkat status bahasa Melayu daripada tiada kepada keadaannya sekarang ini".

Lembaga Tetap Kongres, para ahli bahasa dan kawan-kawannya telah mengadakan satu jamuan bagi meraikannya kerana mendapat anugerah tersebut. Dalam jamuan tersebut Zainal Abidin secara jujur telah bercakap tentang bahasa yang telah diperjuangkan selama ini. "Saya dulu, 'katanya, 'tidak suka akan kemasukan bahasa Indonesia ke dalam bahasa Melayu. Tetapi sekarang ini saya telah sedar bahawa perkembangan bahasa itu tidak dapat disekat-sekat, seperti kita tidak dapat menyekat cahaya yang memancar. Sekarang saya sendiri, dalam ucapan saya ini pun telah menggunakan perkataan Indonesia yang saya tidak suka dulu. Kalau ada orang yang bertanya mengapa saya memakai perkataan-perkataan organisasi, situasi, demarkasi dan lain-lain lagi, tidak organization, situation dan demarcation. Saya akan menjawab kita mengambil perkataan-perkataan ini dari Indonesia bukan dari Inggeris dan kita tidak mahu tahu dari mana pula mereka mengambil perkataan tersebut."

Ucapan yang berharga pada waktu itu tiada siapa yang mencatatnya, dan wartawan juga tidak ada menuliskannya di dalam surat-khabar.

Walaupun akhirnya hajatnya telah tercapai, iaitu dapat

bersara dan berehat, untuk menumpukan sepenuhnya perhatiannya pada mengarang dan menulis, tetapi tenaganya masih diperlukan di tempat lain.

Zainal Abidin ikut duduk dalam berbagai-bagai badan. Sebagai Pengerusi Tetap Lembaga Tetap Kongres ia menjadi anggota Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dan bertindak sebagai Timbalan Pengerusi, pada suatu masa ia memangku jawatan Pengarah selama tiga bulan, ketika Tuan Syed Nasir Ismail, pengarahnya berkunjung ke Amerika Syarikat.

Selama lima tahun ia berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengelola, iaitu dari tahun 1959 hingga 1963, ia banyak meninggalkan kesan yang baik tidak saja kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri tetapi juga kepada teman sejawatnya. Ia terkenal sebagai seorang yang tegas, saksama dan berperaturan. Membuat sesuatu keputusan yang mengenai tugas tanpa pulih kasih dan sangat objektif. Seorang sahabat yang jujur dan juga seorang musuh yang bertimbang rasa.

Walaupun tenaga dan fikirannya masih diperlukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi Zainal Abidin telah memohon meletakkan jawatannya kerana usianya sudah lanjut, kesihatan-nya terganggu dan dia sangat bercinta untuk menulis rencana-rencana yang telah dirancangkannya selama ini.

Zainal Abidin juga duduk dalam Film Censorship Appeal Board beberapa tahun lamanya dan ia pernah menggantikan tempat Tuan T.H. Tan sebagai pengerusi apabila Tuan Tan berhalangan hadir.

Zainal Abidin terpaksa menarik diri daripada kegiatan-kegiatan hidup yang aktif setelah keadaan kesihatannya tidak mengizinkan lagi. Ia tinggal di rumah bersama-sama isterinya, hanya sekali-sekala saja keluar

menghadiri sesuatu majlis atau perayaan yang dianggap mustahak sahaja, ini pun akhirnya dihentikan apabila ia sudah tidak dapat bergerak ke mana-mana lagi.

Pada 13 Mac 1964 isterinya yang setia dan sangat dikasihinya, Datin Hajah Fatimah meninggal dunia dalam usia 62 tahun. Kehilangan isterinya itu merupakan satu kehilangan yang tak dapat dicari gantinya, satu pukulan teruk bagi dirinya yang memang sudah dalam keadaan uzur.

Waktu kecil Hajah Fatimah (yang dikenali oleh kawan-kawannya dengan panggilan Kak Teh) tidak pernah bersekolah kerana pada zaman itu anak-anak perempuan tidak dibenarkan oleh ibu bapanya menuntut ilmu selain dari ilmu ugama, tetapi sebagai seorang ibu ia sangat menggalakkan anak-anak perempuan bersekolah dan mencari ilmu pengetahuan.

Kerana mengingatkan kesetiaan isterinya itu, maka satu biasiswa yang dinamakan Biasiswa Datin Hajah Fatimah Za'aba telah diberikan oleh Zainal Abidin kepada Kolej Perempuan Tunku Kurshiah Seremban. Biasiswa itu berjumlah lima belas ribu ringgit. (Dua belas ribu ringgit dihaskan menjadi modal dan dilaburkan dalam perusahaan yang difikirkan baik oleh Lembaga Pentadbir Kolej itu dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan. Dari keuntungannya dijadikan biasiswa bagi membantu penuntut-penuntut yang berkelayakan tetapi kurang mampu untuk membeli buku-buku pelajaran. Bakinya yang tiga ribu ringgit untuk menambah buku-buku di dalam perpustakaan Kolej tersebut).

Zainal Abidin menyatakan ia mengeluarkan denda itu kerana mengenangkan kematian isterinya. Ia ada sedikit wang dan tidak berhajat lagi hendak membuat harta. Anak-anaknya

sudah mendapat kerja yang baik dan tidak memerlukan bantuan-nya lagi.

Ia memberi biasiswa kepada Kolej Tunku Kurshiah itu kerana Tunku Puan Besar Kurshiah ialah kawan sepermainan isterinya semasa kecil dan ia pun orang Negeri Sembilan pula. Sekolah-sekolah lain banyak orang lain yang dapat memberikannya, dan ia memulakannya dengan sekolah itu.

Zainal Abidin sangat pemurah menderma untuk kepentingan pelajaran. Satu sumbangan yang besar kepada pelajaran dan penyediaan ilmiah di Malaysia ini, ketika pada 16 Oktober 1965 ia menyerahkan sekeping cek berharga sepuluh ribu ringgit dan empat ribu naskah buku-buku kepada Universiti Malaya. Wang derma itu untuk dijadikan 'research fellowship' yang akan diberi nama Za'aba Research Fellowship. Fellowship ini bagi siswazah Sarjana Sastra di dalam jurusan Pengajian Melayu dan Pengajian Islam sebanyak lima ratus ringgit setahun.

Dalam bulan September 1965, Zainal Abidin telah dimasukkan ke Hospital Assunta selama empat hari. Penyakit lama batu karang yang dihidapinya selama 15 tahun itu telah kembali semula, apaila diluar dari dugaannya, ia lupa meminum ubat seperti yang biasa dibuatnya selama ini.

Pada 28 Januari 1970 ia telah menjalani pembedahan mata disebuah klinik di Kuala Lumpur. Ini ialah pembedahan mata kali yang kedua. Kali Pertama pembedahan mata yang telah dilakukan keatas dirinya, ketika ia menjadi Ketua Pengajian Melayu Universiti Malaya, Singapura.

Bertepatan dengan Hari Konvokasyon yang pertama Universiti Kebangsaan dan pertabalan Tun Abdul Razak, Perdana Menteri sebagai Canselor pertama uiversiti itu

iaitu pada 23 Jun 1973, Zainal Abidin sekali lagi diberi ijazah Doktor Persuratan Kehormat (D. Litt).

Pemilihan terhadap dirinya sebagai pejuang dan pencinta bahasa dan sastera Melayu oleh universiti yang telah ditubuhkan dengan aspirasi kebangsaan, amat tepat sekali. Dia ialah lambang dari perjuangan bahasa dan persuratan Melayu.

Dalam satu persidangan akhbar, Datuk Dr. Ariffin Ngah Marzuki, Naib Canselor universiti itu, berkata: "Kurnia ijazah Doktor Persuratan Kehormat untuk Pendita Tan Sri Za'aba ialah kerana mengenang jasanya yang tidak ada tolak bandingnya dalam memperkembang dan menghidupkan bahasa dan persuratan Melayu. Ia seorang tokoh yang tiada dua dalam negara ini dan pakar serta perintis bahasa Melayu yang telah menjadi semacam legenda. Sudah kena pada tempatnya kurniaan itu diberikan kepadanya oleh Universiti Kebangsaan kerana universiti ini merupakan universiti yang pertama di negara ini yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar."

Penganugerahan ijazah Doktor Persuratan Kehormat kepadanya telah disambut dengan gembira oleh masyarakat Melayu, terutama para penulis. Ishak Haji Muhammad yang kebetulan pula menerima ijazah yang sama dari Universiti Malaya telah berkata, "Tidak heran kalau ia mendapat berbagai-bagai anugerah kerana jasanya dalam meninggikan mutu bahasa Melayu. Ia adalah ahli bahasa yang tunggal dan bijak dalam segala aspek ilmu persuratan."

Sebaliknya Zainal Abidin sendiri yang dalam keadaan uzur di rumahnya merasa amat dukacita

dan kecewa kerana tidak dapat hadir untuk menerima ijazah tersebut. Dalam satu interview dengan Rahamah Saad, *Utusan Malaysia*, 13 Jun 1973, Zainal Abidin berkata: "Saya sungguh-sungguh menghargai dan menghormati anugerah yang sungguh berharga itu, tetapi apa boleh buat, saya tidak berdaya lagi."

Dia juga menyatakan dukacitanya kerana tidak dapat lagi memberi sumbangan terhadap masyarakat dan negara dan ia menganggap hal ini satu kerugian besar bagi pihak dirinya sendiri. Ia merasa begitu hampa apabila mengenangkan segala idea-idea yang hendak disampaikan kepada masyarakat sudah tidak dapat dilakukannya lagi.

"Saya sudah tidak dapat menumpukan perhatian kepada penulisan kerana fikiran saya tidak seperti muda-muda dulu."

Dia menghabiskan masanya dengan mendengar radio kadang-kadang sampai jam 1.00 malam. Siaran-siaran radio luar negeri semuanya diikutinya dengan teliti. Ia terus membaca, walaupun ia sudah tidak dapat melihat dengan baik. Selama ia uzur itu, ia dijaga dengan setia oleh Zaiton, anaknya.

Pada 7 haribulan Julai 1973, Zainal Abidin telah terjatuh di dalam bilik mandi di rumahnya. Akibat dari kejatuhan itu ia tidak boleh lagi buang air kecil. Ia segera dibawa ke Hospital Besar. Doktor telah berusaha memberikan pertolongan kepadanya. Sesudah sepuluh hari ia tinggal di hospital, maka ia pun dibenarkan pulang dan diminta datang tiap-tiap tiga minggu sekali.

Empat hari sebelum genap tiga minggu yang kedua, ia telah mendapat sakit semula pada pangkal tiub yang diberikan kepadanya dan dibawalah sekali

lagi ke hospital untuk dirawat. Dalam masa merawatnya itu ia diberikan suntikan sekali seminggu dari bersama-sama dengan doktor dan jururawat yang menjaganya, maka anaknya Zamrud tak pernah renggang dari sisinya. Semasa di dalam hospital itu anak-anaknya dan juga sahabat handai jauh dan dekat ramai yang datang mengunjunginya, terutama pada hari Ahad. Keadaan penyakitnya semakin hari semakin teruk dan ia sudah tidak dapat bangun apa lagi mahu berjalan-jalan.

Akhirnya pada hari Khamis 18 Oktober 1973 ia terpaksa menjalani pembedahan. Selepas pembedahan itu ia kelihatan bertambah tenat. Muntah-muntah dan sakit seluruh tubuh. Doktor memasukkan tiub ke dalam lubang hidungnya kerana ia tidak dapat lagi makan melalui mulutnya. Pada waktu krisis ini ia amat ingin pulang ke rumahnya, seolah-olah ia tahu masanya sudah sampai dan ia ingin benar mati di rumahnya sendiri. Pada hari Selasa 23 Oktober 1973, iaitu enam hari selepas dibedah, ia pun dibawa pulang ke rumahnya sebagai memenuhi permintaannya. Tapi ajalnya hanya sampai disitu saja, ketika dalam perjalanan pulang ke rumah dengan ambulan, ia telah menghembuskan nafasnya yang terakhir. Bersama-sama dengannya ketika itu, ialah dua orang anaknya Zamrud dan Raihanah, seorang jururawat, attenden dan drebar ambulan. Innalillah wainna ilaihi raji'un.

Seorang patriot bangsa telah kembali mengadap Tuhannya dengan meninggalkan segala jasa dan baktinya yang tak dapat dinilai dengan material.

Kematian Zainal Abidin telah disambut dengan perasaan dukacita oleh rakyat negeri ini, terutama oleh beribu-ribu orang muridnya yang tersebar di seluruh Semenanjung, Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura.

Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia amat berdukacita dan terharu atas berpulangnya Allahyarham itu. Dalam satu kenyataan Tun Abdul Razak berkata; "Allahyarham akan sentiasa diingat sebagai seorang nasionalis ulung dan anak watan yang telah banyak berjasa dan berbakti kepada negara terhadap perkembangan bahasa dan persuratan Melayu."

Datuk Hussein Onn, Timbalan Perdana Menteri juga mengangap kepulangan Allahyarham itu sebagai satu kehilangan kepada bangsa Melayu akan seorang punjanga yang amat dihormati.

"Kita tak akan jumpa orang yang sepertinya lagi, yang telah menghabiskan sepanjang hayatnya berusaha untuk kepentingan bangsa dan negara," kata Datuk Haji Asri, Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas, yang sejak kecil menganggap Zainal Abidin sebagai seorang pejuang, yang sentiasa memberi inspirasi kepadanya untuk menulis.

Suratkhabar *The Straits Times* dalam tajuk rencananya yang berjudul 'Pendita Za'aba', keluaran 24 Oktober telah menulis:

The late Pendita (Sage) Za'aba was the first Malay pioneer of scientific study of the Malay language. The others were English colonial scholars, such as R.J. Wilkinson and Richard Winstedt. Although Wilkinson was the first to attempt a rational system of spelling in romanised Malay, Za'aba improved upon his work. Za'aba system, known as Sistem Ejaan Sekolah, became the standard system in Malaysia. Za'aba studied the Malay language in its totality — in the context of Malay culture, Islam and in both its forms — Jawi and Rumi.

His monumental work *Pelita Bahasa Melayu* (Lights of the Malay language) in three volumes, is a masterpiece. Za'aba showed that a study of living language must cover its original and ascribed characteristics, especially Arabic and Islamic in the case of the

Malay language. He thus made the linguistic study of Malay more comprehensible to the Malay student.

Za'aba also wrote books on Malay culture, history, and on Islam and philosophy. After the war, he was involved in politics and in the efforts to establish UMNO. But Za'aba was no politician. He returned to his books and continued his studies on the Malay language. In 1956 his labours were recognised, the title of Pendita being conferred on him. Other honours by the government and literary bodies followed. The greatest tribute that has been paid him that he "raised the status of the language from nothing to its present position."

Sementara *Utusan Melayu* keluaran 25 Oktober dengan tajuk "Jejak Langkah Za'aba" telah memberi tribat dalam tajuk rencananya sebagai berikut:

Selain dari orang yang pertama membuat kajian ilmiah tentang bahasa Melayu, Allahyarham Pendita Za'aba adalah juga seorang nasionalis tulen yang sangat mencintai tanahair.

Beliau yang menjadi pengerusi penasja bagi menubuhkan UMNO yang bersidang di Kuala Lumpur dalam tahun 1946. Beliauah yang bertungkus-lumus menghubungkan badan-badan dan persatuan-persatuan Melayu bagi mengadakan perjumpaan menentang Malayan Union.

Kecintaan Allahyarham kepada tanahair dan juga bangsa lebih banyak disalurkan melalui hasil karya dan pemupukan bahasa ibunda. Beliau yakin bahawa bahasa harus ditegah dan diperkembangkan.

Hal tersebut difahami dan disetujui oleh ahli-ahli bahasa dan pencinta kebudayaan yanglain. Dan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ketiga dalam tahun 1956 yang dipengerusikan oleh beliau, cogan kata 'bahasa jiwa bangsa' diluluskan yang sehingga kini dipergunakan sebagai lambang perjuangan.

Kebanggaan kita tentang Za'aba ialah kegiatan beliau mengkaji dengan mendalam bahasa sendiri, dan sesudah itu mencipta pula kaedah tatabahasanya yang sesuai berdasarkan beberapa penelitian. Buku-buku ilmu bahasa Melayu, *Pelita Bahasa Melayu* (tiga jilid)

dan Ilmu Mengajar Melayu adalah diantara karya-karya penting yang memberi kesan besar terhadap perkembangan bahasa Melayu kemudiannya.

Selain dari itu buku kaedah ejaan Rumi sekolah-sekolah yang dikarangnya adalah menjadi asas penting ejan bahasa Melayu sebenarnya.

Sesungguhnyah kehilangan Za'aba, yang telah dua kali dianugerahkan gelaran doktor kehormat itu akan sukar dicari gantinya. Kecintaannya kepada agama serta ketaatannya kepada Allah adalah menjadi contoh kepada kita yang tinggal.

Kecintaannya kepada agama, antara lain disalurkan kepada karya, menulis buku-buku tentang Islam, ketinggian budi dan sikap dalam bergaul dalam masyarakat.

Pengalaman dari berbagai-bagai jawatan yang pernah dipegang digunakan sepenuhnya untuk memberikan sesuatu kepada masyarakat dalam bentuk karya. Penerjemahan yang beliau lakukan sejak di Maktab Perguruan Sultan Idris telah memperkayakan perbendaharaan buku dalam bahasa Melayu.

Suratkhabar *Berita Minggu* keluaran 28 Oktober dalam ruangan Ulasan dan Fikiran, iaitu ruangan tajuk rencananya telah menulis dengan panjang lebar tentang kehilangan tokoh ulung dalam bahasa dan persuratan Melayu itu dengan judul 'Padamnya Pelita Za'aba':

Alam persuratan Melayu terasa benar kehilangan seorang tokoh yang telah banyak membuat jasa kepada perkembangan bahasa dan kesusasteraannya Tan Sri (Dr.) Haji Zainal Abidin bin Ahmad, atau lebih terkenal sebagai Pendita Za'aba sekarang telah menjadi Allahyarham, dalam usia 78 tahun.

Boleh dikatakan tidak ada seorang pun orang Melayu yang hidup pada masa ini, yang pernah bersekolah, yang tidak kena mengena dengan penulisan-penulisan Pendita Za'aba, terutama sekali mereka yang telah dewasa. Kalau sekalipun mereka tidak pernah membaca buku-buku karyanya, terutama buku-buku pelajaran, sekurang-kurangnya mereka diajar mengaja menurut Sistem Za'aba, sistem yang telah digunakan di sekolah-sekolah hingga akhir-akhir ini.

Barangkali tidak silap kalau dikatakan Allahyarham Pendita ialah orang yang pertama

mengangkat darjah bahasa Melayu dengan kajiannya yang 'sistematik' terhadap bahasa itu. Beliau juga mahir dalam adat istiadat dan kebudayaan Melayu dan agama Islam.

Tidak ramai orang Melayu yang berskolah yang tidak pernah membaca buku-buku karangannya seperti 'Pelita Bahasa' dan 'Ilmu Mengarang Melayu'. Kedua-dua buku ini, antara lain-lain, telah banyak memberi sumbangan kepada kemajuan bahasa dan persuratan Melayu.

Kerana jasanya itulah maka Allahyarham telah diberi gelaran 'Pendita' dalam Kongres Bahasa Ketiga yang telah diadakan di Universiti Malaya, waktu itu di Singapura, dalam tahun 1956.

Allahyarham bukan tidak pernah berjuang dalam politik, tetapi politik bukanlah darah dagingnya. Beliau pernah menyertai kegiatan-kegiatan UMNO pada awal-awalnya tetapi jiwanya lebih tertarik kepada bidang bahasa dan

persuratan Melayu. Walaupun bukunya yang terakhir, 'Kalung Bunga' lahir dalam tahun 1964, tetapi beliau tetap cergas dalam bidang perkembangan bahasa Melayu hingga mulai uzur pertengahan tahun lalu.

Dalam tahun 1959, Universiti Malaya, kali ini di Kuala Lumpur, sekali lagi memberi penghargaan dan penghormatan kepadanya dengan mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dan baharu pada 23 Jun lalu dihormati begitu juga oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengurniaan darjah Panglima Mangku Negara dalam tahun 1959 adalah satu lagi tanda penghargaan jasanya yang tidak syak lagi akan termaktub dalam sejarah bahasa dan sastera kita untuk kenangan masa depan.

Zainal Abidin telah tiada lagi, tetapi satu perkara yang paling penting ialah ia telah meninggalkan pusaka yang tidak

akan hilang dek zaman.


Zainal Abidin terkenal sebagai seorang yang jimat, sifat jimat cermatnya itu tidak ada tolok bandingnya, patut sangat dicontohi. Ketika mengemasi meja tulisnya, Zaharah anaknya telah menemui baki-baki getah pemadam, pensil-pensil pendek, penanya yang dijaga dengan baik, envelop yang sudah dipakai amat banyak dalam berbagai-bagai saiz, yang sudah dibalikkan kulitnya dan masih boleh digunakan. Agak hairan bagaimana dia membuka envelop-envelop itu sehingga tidak rosak sedikit pun.

Ia seorang yang tegas, walaupun dengan anaknya sendiri, dalam soal hutang piutang misalnya, kalau anak-anaknya tidak membayar dengan teratur ia tidak



Gambar keluarga semasa di Tanjung Malin diambil pada 8 Januari 1933. Dibelakang: Zaharah, Annah (saudara angkat) dan Raihanah. Dihadapan: Murtadza, Redza, Zaitun dan Zamrud.

- 1 Bersama bapanya Encik Ahmad bin Ibrahim dan adiknya Muhd. Yusuf bergambar di Kuala Lumpur pada 31 Mac 1922. (Gambar Arkib Negara)
- 2 Bergambar tiga beradik di Linggi pada bulan Julai 1956. Ditengah-tengah Siti Hawa dan Muhd. Yusuf di kanan. (Gambar Arkib Negara)
- 3 Gambar ramai dengan rakan sekolah di Institusi St. Paul, Seremban sewaktu perayaan gurunya (ditengah) yang akan bertugas di Manila, Filipina. (Gambar Arkib Negara)
- 4 Gambar keluarga ini diambil pada 25 September 1947 menjelang esoknya bertolak ke England. Berdiri: Redza, Zaitun dan Murtadza. Duduk: Zaharah dan Zamrud.
- 5 Cikgu Muhd. Noor Ahmad sebagai wakil dari persidangan Kongres 'memahkotakan' sengkoh pendita keatas kepala Za'aba.



segan-segan menuntutnya. Kalau mahu meminjam wang daripadanya untuk membeli barang-barang mewah janganlah harap akan dapat, tetapi kalau meminjam untuk pelajaran, membeli tanah atau rumah maka ia dengan suka hati memberinya. Walaupun demikian ia akan berkata, menurut Zaharah dalam salah satu surat kepadanya, "Kalau aku tidak mampu untuk memiliki sesuatu, kerana tidak sanggup membelinya, maka biarlah aku tidak memilikinya terus." Tetapi katanya lagi, "your way is not my way and my way is not your way." Ia juga selalu memberikan hadiah wang kepada cucu-cucunya yang berjaya dalam peperiksaan.

Tulisannya lima puluh tahun yang lalu, yang menegur dan mengkritik bangsa Melayu, bangsa yang dicintainya, masih terus hidup dan masih terus dapat dijadikan motivasi kepada bangsa ini sekiranya ingin hidup sebagai satu bangsa yang duduk sama rendah, tegak sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain. Teguran dan kritikan kepada bangsanya setengah abad yang lalu itu, masih terus dapat dijadikan ubat penawar bagi penyakit-penyakit yang masih ada sekarang.

"Maka tiadalah sekali-kali manis dan elok dipandang orang jika kita sentiasa menjadikan diri kita *peminta sedekah* pada semua perkara yang kewajiban kita sendiri, melainkan hendaklah kita tunjukkan yang kita boleh hidup sendiri dan berjalan dengan kaki sendiri ada daya upaya dan kuat kudrat sendiri serta tahu berikhtiar dan akal fikiran dan keledar sendiri," demikian diantara kata-katanya di dalam artikelnya yang berjudul 'Jalan Keselamatan Bagi Orang-Orang Melayu', yang boleh dianggap sebagai satu pesan kepada kita semua.

= Dipeetik dan dipadankan dari buku berjudul *Pendita Za'aba Dalam Kenangan* karangan Abdullah Hussein dan Khalid Hussain dengan ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka.



MAJLIS PELANCARAN YAYASAN PENDITA ZA'ABA

Aturcara

6hb. JUN, 1987

- 8.00 malam — Ketibaan para jemputan.
- 8.15 malam — Ketibaan tetamu kenamaan.
- 8.25 malam — Keberangkatan tibu Duli-Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan dan Tunku Ampuan.
 - Lagu kebangsaan Negeri Sembilan.
- 8.30 malam — Jamuan makan dimulakan.
 - Ucapan pengenalan oleh Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan, Yang Berbahagia Tunku Tan Sri Mohamed bin Tunku Besar Burhanuddin.
 - Titah ucapan pelancaran oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Besar, Negeri Sembilan.
 - Penyampaian cenderamata.

PENGHARGAAN

Pegawai-Pegawai dan Ahli-Ahli Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan (BKAMNS) serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Penganjur Malam Pelancaran Yayasan Pendita Za'aba merafak sembah menjunjung kasih kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ja'afar Al-Haj ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, DK, DMN, DK(Bruncei), DK(Kelantan), DK(Kedah), DK(Selangor), DK(Perlis), DK(Johor), Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan.

Juga dipohonkan setinggi-tinggi penghargaan kepada:-

- (1) Yang Amat Berhormat Dato' Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan serta Kerajaan Negeri Sembilan.
- (2) Semua anggota keluarga Allahyarham Pendita Za'aba yang telah merestui penubuhan Yayasan ini.
- (3) Media Massa — Akhbar, Radio dan TV.
- (4) Orang-orang perseorangan yang memberi sumbangan wang, tenaga dan lain-lain perkhidmatan.